

AKHBAR : KOSMO!

MUKA SURAT : 7

TARIKH : 31 OKTOBER 2023

HARI : SELASA

SENTIMEN : POSITIF

Deposit simpanan SSPN kini cecah RM15.94 bilion

PETALING JAYA – Jumlah deposit Simpan Skim Simpanan Pendidikan Nasional (Simpan SSPN) yang diterima setakat 30 September tahun ini adalah berjumlah 15.94 bilion dengan bilangan akaun berjumlah 6.11 juta.

Pengerusi Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN), Datuk Norliza Abdul Rahim, misi utama pihaknya ialah memperkasakan amalan penabungan bagi mengurangkan kebergantungan masyarakat kepada pinjaman.

Katanya, usaha itu adalah bagi memastikan anak-anak tidak dibebani hutang apabila tamat pengajian.

"Alhamdulillah, dalam tempoh 19 tahun, Simpan SSPN terus



NORLIZA (tengah) menyampaikan sijil penghargaan kepada salah satu rakan strategik BMS 2023 di Kuala Lumpur kelmarin.

kekal sebagai produk yang berdaya saing dan menjadi tabung pendidikan utama pilihan ibu bapa.

"Sehingga 30 September 2023, jumlah deposit Simpan SSPN yang diterima adalah sebanyak RM15.94 bilion dengan bilangan akaun berjumlah 6.11 juta akaun," katanya ketika menyempurnakan Majlis Penutup Bulan Menabung Simpan SSPN (BMS) 2023 dan Sambutan Hari Tabungan Sedunia pada 29 Oktober 2023 di Sunway Velocity Mall, Kuala Lumpur kelmarin.

Hadir sama Ketua Eksekutif PTPTN, Ahmad Dasuki Abdul Majid dan Lembaga Pengurusan PTPTN.

Menurut Norliza lagi, Simpan SSPN menawarkan pelbagai

keistimewaan dan manfaat kepada masyarakat Malaysia seperti seperti pelepasan tak-siran cukai pendapatan sehingga RM8,000 setahun, perlindungan takaful ke atas pendeposit, Geran Sepadan sehingga RM10,000 untuk satu keluarga yang layak, dividen kompetitif, simpanan dijamin kerajaan dan patuh syariah.

Katanya, BMS 2023 merupakan program signature PTPTN yang dilaksanakan bermula tahun 2018.

"Ini adalah salah satu usaha untuk menyebar luas manfaat Simpan SSPN kepada masyarakat Malaysia bersempena dengan Hari Tabungan Sedunia yang disambut pada 31 Oktober setiap tahun," katanya.